

Warisan seni bina dunia melayu rumah-rumah tradisional

Sinopsis:

Warisan seni bina sesuatu kaum atau bangsa merupakan intipati kemajuan teknologi, ketinggian nilai seni serta acuan corak budaya kehidupan. Pembangunan dan ketamadunan sesebuah negara harus berpaksi kepada warisan silam bagi menjamin kesinambungan kehidupan agar nilai budaya dan keseimbangan alam persekitaran dapat diwariskan dari generasi ke generasi. Buku ini memuatkan hasil kerja Pusat Kajian Alam Bina Dunia Melayu, (KALAM) Universiti Teknologi Malaysia yang menjadikan dokumentasi warisan intelek seni bina nusantara sebagai fokus utamanya. Buku ini sesuai dibaca oleh segenap lapisan masyarakat di samping mengajak pembaca menghayati mesej bahawa kefahaman terhadap warisan seni bina tempatan dapat mencorak bukan sahaja alam bina kehidupan masa kini tetapi juga menjadi jambatan ketamadunan antara kaum di Malaysia.